



24 Disember 2012
24 December 2012
P.U. (A) 461

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN) 2012

STATUTORY AND LOCAL AUTHORITIES PENSIONS (AMENDMENT) REGULATIONS 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEN PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN 1980
PERATURAN-PERATURAN PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN
TEMPATAN (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 28 Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*], Menteri membuat peraturan-peraturan berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2012**.

(2) Peraturan 2 dan 5 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2009.

(3) Perenggan 3(*a*) dan (*b*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

(4) Dalam perenggan 3(*c*)—

(*a*) perenggan baru 5(1)(*ja*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1992; dan

(*b*) perenggan baru 5(1)(*jb*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 30 April 1997;

(5) Dalam peraturan 4—

(*a*) rujukan kepada perenggan 5(1)(*ja*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1992; dan

(*b*) rujukan kepada perenggan 5(1)(*jb*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 30 April 1997.

Pindaan peraturan 3

2. Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990 [*P.U. (A) 134/1990*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 3 dengan menggantikan perkataan “setengah” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “tiga per lima”.

Pindaan peraturan 5

3. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (1)(a) perenggan yang berikut:

“(aa) tempoh perkhidmatan lalu yang terputus disebabkan peletakan jawatan atau pelepasan jawatan bagi pekerja yang dilantik semula dalam perkhidmatan awam atau perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan pada atau selepas 1 Januari 2012;”;

(b) dalam proviso kepada perenggan (1)(g), dengan memasukkan selepas perkataan “yang terdahulu itu” perkataan “tetapi syarat mendapat pelepasan secara bertulis daripada pihak berkuasa berkenaan itu tidak terpakai bagi seseorang pekerja yang dilantik pada atau selepas 1 Januari 2012”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (1)(j) perenggan yang berikut:

“(ja) perkhidmatan seorang pekerja yang terputus pada atau sebelum 29 April 1997 kerana peletakan jawatan untuk menyertai perkhidmatan swasta sebelum kembali semula untuk berkhidmat dengan Kerajaan sebelum 1 Januari 2012, dengan syarat bahawa pekerja itu telah memilih opsyen Sistem Saraan Baru atau telah dilantik di bawah Sistem Saraan Baru atau apa-apa sistem saraan lain yang berkuat kuasa selepas itu;

(jb) perkhidmatan seorang pekerja yang terputus pada atau selepas 30 April 1997 kerana peletakan jawatan atas sebab untuk menyertai perkhidmatan swasta sebelum kembali semula untuk berkhidmat dengan Kerajaan sebelum 1 Januari 2012, dengan syarat bahawa pekerja itu—

(i) telah memilih opsyen Sistem Saraan Baru atau telah dilantik di bawah Sistem Saraan Baru atau apa-apa sistem saraan lain yang berkuat kuasa selepas itu; dan

(ii) telah mendapat kelulusan bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menyertai agensi swasta yang tertentu sebelum meletakkan jawatan;”.

Pindaan peraturan 6

4. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam perenggan (d) dengan menggantikan perkataan “peraturan 5(1)(e)” dengan perkataan “perenggan 5(1)(e), (ja) dan (jb)”.

Pindaan peraturan 20

5. Peraturan 20 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Jika kad pesara itu hilang atau rosak, suatu kad baru bolehlah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.”; dan

(b) dengan memotong subperaturan (4).